

578:

MAHATHIR-SEKOLAH

1975
GRIK, 26 OGOS (BERNAMA) — PARA PELAJAR YANG SUDAH TAMAT PENGAJIAN DIGESA PULANG KE TEMPAT MEREKA YANG SEDANG MEMBANGUN DAN MENAMPUNG KEHENDAK-KEHENDAK PERJAWATAN YANG SANGAT-SANGAT DIPERLUKAN.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PROJEK PEMBANGUNAN YANG SEDANG BERJALAN DI SELURUH NEGARA MEMERLUKAN TENAGA-TENAGA MAHIR YANG BERKELAYAKAN DALAM SEMUA BIDANG.

MURID-MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH TEMP. YANG BERKENAAN HENDAKLAH DIASUH, DIBERI ILMU DAN DIBERI SEMANGAT UNTUK KEMBALI BERTUGAS DI TEMPAT ATAU KAWASAN MEREKA, KATANYA.

MEREKA YANG SUDAH TAMAT PENGAJIAN HENDAKLAH MENOLONG SERTA MEMBANTU MASYARAKAT MEMBANGUN DALAM SERBA BIDANG.

BELIAU MEMBUAT GESAAN TERSEBUT SEWAKTU MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH KEBANGSAAN GRIK DISINI PAGI INI.

SEKOLAH YANG MEMPUNYAI 12 BILIK DARJAH, BILIK GURUBESAR, PEJABAT, KANTIN DAN SEBAGAINYA MENELAN BELANJA \$17PNPPPM
— BERSAMBUNG 1515/SZ

579:

MAHATHIR-SEKOLAH 2 GRIK

DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA IBUBAPA DAN MURID-MURID MEREKUT PELUANG-PELUANG BANTUAN YANG DIBERI OLEH KEMENTERIANNYA UNTUK BERLUMBA-LUMBA DALAM PELAJARAN.

KATANYA KEMENTERIAN PELAJARAN DARI MASA KE SEMASA MEMBANTU SEKOLAH-SEKOLAH TERUTAMA SEKOLAH-SEKOLAH DI LUARBANDAR SEPERTI MENYEDIAKAN PINJAMAN BUKU-BUKU TEKS PERCUMA SERTA BUKU-BUKU RAMPAIAN YANG MURAH.

BELIAU MEMINTA PIHAK-PIHAK SEKOLAH DAN IBUBAPA MEMBERATKAN PERKARA-PERKARA YANG MUSTAHAK SEPERTI BANGUNAN YANG SELESA DAN PERABUT-PERABUT YANG MEMADAI SEWAKTU MEMBUAT RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN SEKOLAH MASING-MASING. — BERNAMA 1517/SZ